

Sindrom Ramsay
Hunt susah
pulih 100 peratus

Muka 38



BERITA HARIAN 25/6/2022 Page 36

Kanser ovarari paling 'misteri'

Tiada kaedah saringan awal, faktor kanser ovarari jadi 'pembunuh senyap' wanita

Oleh Latifah Arifin
latifah@bh.com.my

Tidak ada kaedah saringan awal bagi mengesan kanser ovarari dan dianggap sebagai pembunuh senyap wanita. Malah, kanser ovarari menyumbang 60 hingga 70 peratus kes kanser berkaitan sistem peranakan wanita dan hanya dapat dikesan apabila sudah pada tahap tiga dan empat. Ini menjadikan kanser ovarari paling 'misteri' dengan menyumbang kepada kanser keempat paling kerap dihidapi wanita di negara ini.

kanser atau dipanggil prakanser.

"Disebabkan itu 70 peratus kes kanser pangkal rahim dikesan ketika berada pada tahap satu.

"Namun, untuk kanser ovarari tidak ada ujian sebegini. Jadi, kebanyakan 60 hingga 70 peratus kes dikesan hanya ketika pesakit pada tahap tiga dan empat," katanya.

Simptom kanser tidak spesifik

Pensyarah Perubatan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan UPM ini berkata, lebih menyukarkan pengesanan awal pesakit kanser ovarari disebabkan ciri simptomnya yang tidak spesifik.



Dr Ahmad Shuib memegang ovarari yang dibuang melalui kaedah pembedahan seberat 30 kilogram.

Kanser ovarari tiada simptom yang khusus. Simptom seperti cepat rasa kenyang, perut kembung, muntah atau loya berkemungkinan (boleh) disebabkan penyakit lain, gastrik, pedih ulu hati dan radang pundi hempedu.

"Organ itu sendiri terletak di bahagian dalaman iaitu abdomen.

Jadi apabila saiz (ketumbuhan) signifikan, baru wujudnya tanda. Itu pun tidak spesifik, contohnya ada rasa perut kembung, mereka ingatkan ia disebabkan kegemukan," katanya.

Jelasnya, disebabkan faktor itu realitinya, pesakit kanser ovarari hanya dapat dikesan apabila berada pada tahap kronik dengan jumlah yang dikenal pasti pada pada tahap satu dan dua, sangat kecil.

pembedahan dan kemoterapi. Pembedahan buang organ peranakan (ovari) dan ketumbuhan dalam perut tidak cukup, mesti jalani kemoterapi sebagai susulan," katanya.

Buang ovarari

Bagi wanita belum berkahwin dan risiko tiada zuriat jika disahkan menghidap

kanser ovarari, katanya, perkara itu agak kompleks dan pesakit disarankan meneruskan pembedahan dan kemoterapi.

"Perkara ini membabitkan pemandulan (apabila kedua-dua ovarari terpaksa dibuang), tetapi jika ingin kesembuhan, ini sahaja kaedah yang ada.

"Kecuali bagi kes yang sangat spesifik, contohnya yang berada di tahap 1A,

dapat kesan pengawal awal dan masih muda, boleh dibuat perbincangan bagi menyediakan rawatan minimum mungkin hanya buang satu ovarari yang



Dr Ahmad Shuib
Yahaya

Belum ada kaedah alternatif bagi pencegahan awal kanser membabitkan organ peranakan lain seperti kanser endometrium atau rahim dan kanser serviks (kanser pangkal rahim).


Pakar Obstetrik dan Ginekologi Hospital Pengajar Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Ahmad Shuib Yahaya, berkata faktor kelewatan diagnosis bagi pesakit kanser ovari majoritinya bukan disebabkan pengabaian kesihatan oleh pesakit, tetapi ciri kanser itu sendiri yang menyukarkan pengesanan awal dilakukan.

“Memang tidak ada kaedah saringan awal untuk kanser ovari, iaitu tidak boleh dikesan sebelum jadi kanser. Misalnya, kanser pangkal rahim, ada program pap smear bagi mengesan sebelum jadi




Kanser Ovari

Tahap 1




Kanser dikenali pasti pada satu atau kedua-dua ovari

Tahap 2




Sel kanser merebak daripada ovari ke bahagian lain pelvis, seperti tiub fallopien dan uterus

Tahap 3



Sel kanser merebak di luar pelvis ke nodus limfa yang berdekatan, diafragma, usus atau hati

Tahap 4



Kanser merebak ke luar perut, seperti ke paru-paru atau limpa

Kaedah rawatan selepas sembuh

Beliau yang juga Felo Ginekologi-Onkologi Institut Kanser Negara, berkata mengenai isu survival bagi pesakit kanser ovari, perkara itu juga sukar ditentukan.

“Banyak perkara berkaitan sel kanser ovari belum ada kepastian. Justeru, kajian kanser ini paling banyak dijalankan kerana sehingga kini masih belum ada kaedah betul-betul bagus, memberangsangkan bagi membantu dari segi jangka hayat pesakit.

“Walaupun ada pesakit sembuh selepas rawatan, tetapi jika mereka berada pada tahap tiga dan empat, kira-kira 70 hingga 80 peratus biasanya akan mendapat semula kanser sama dalam tempoh lima tahun.

“Daripada pengalaman saya, kemungkinan untuk ketumbuhan (datang semula) adalah tinggi sekitar 80 peratus, tak ramai pesakit yang tak datang langsung (untuk kembali dirawat) selepas sembuh,” katanya memberitahu kebanyakan pesakit dijangkiti semula kanser ini membabitkan pesakit pada tahap tiga dan empat.

Kaedah rawatan

Mengenai kaedah rawatan, kebanyakan pesakit disarankan menjalani pembedahan dan diikuti dengan kemoterapi.

“Amat jarang datang untuk rawatan dengan tahap satu sama ada 1A, 1B atau 1C. Biasa pada tahap 1A sahaja yang tidak memerlukan kemoterapi.

“Rawatan prinsipnya adalah

mengambil hanya buang satu ovari yang terabit (merebak sel kanser) sahaja,” katanya.

Secara amnya tidak ada perkara atau kaedah tertentu yang boleh disarankan untuk mencegah penyakit ini, kecuali bagi sesetengah individu yang mempunyai ciri khusus.

“Misalnya, mereka yang pernah menghidap barah payudara atau ada sejarah keluarga golongan ini berisiko tinggi mendapat kanser ovari. Kedua-dua kanser ini berhubung kait kerana ia berkait dengan hormon.

“Apa yang boleh dilakukan, wanita dalam kategori ini perlu ambil langkah berjaga-jaga, jika ada simptom seperti kembung perut, tak boleh anggap sekadar gastrik, sebaliknya buat pemeriksaan lanjut,” katanya.

Langkah pencegahan

“Tak dinafikan obesiti antara punca kanser ovari, ini disebabkan sel lemak berkait dengan hormon. Memang banyak kanser yang risikonya lebih tinggi jika berat badan berlebihan dan perokok.

“Wanita yang tidak pernah hamil, lewat melahirkan anak dan kurang anak berisiko mendapat kanser ini,” katanya.

Mengapa mereka berisiko? Kerana ovari sentiasa aktif. Ovari setiap bulan hasilkan telur, hanya apabila mengandung dan menyusukan anak, telur tidak dihasilkan. Proses ovulasi yang berulang ini mendedahkan ovari kepada kanser.

“Kanak-kanak yang datang haid awal juga berisiko kerana jangka masa lama berovulasi. Jadi saya nasihatkan mereka yang ada faktor risiko begini lebih berjaga-jaga dan buat pemeriksaan jika ada sebarang tanda,” katanya.